

PEKELILING PENTADBIRAN *UTMSPACE* BIL. 4/2014

Semua Staf
UTMSPACE

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saudara,

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG STAF *UTMSPACE*

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran Bil. 1/2014 bertarikh 27 Januari 2014 telah bersetuju untuk mewujudkan Anugerah Perkhidmatan Staf Cemerlang *UTMSPACE* bagi setiap tiga (3) bulan sekali.

3. Untuk makluman, berikut adalah kaedah dan tatacara pemilihan calon Anugerah Perkhidmatan Staf Cemerlang *UTMSPACE*:

3.1 Syarat Kelayakan

3.1.1 Calon

Staf *UTMSPACE* yang berjawatan tetap.

3.1.2 Kategori Jawatan

Staf yang berjawatan hakiki Eksekutif Kanan hingga ke jawatan Pembantu Eksekutif.

3.1.3 Tempoh Perlaksanaan

Penilaian anugerah *UTMSPACE* ini akan dilaksanakan setiap tiga (3) bulan sekali dengan empat (4) kali penganugerahan kepada staf yang layak pada setiap tahun.

3.1.4 Pemilihan Calon

- a. Setiap pusat/bahagian/unit/seksyen perlu menyenaraikan seorang calon yang layak untuk dinilai.
- b. Calon yang dicadangkan perlu bebas daripada sebarang tindakan disiplin tahun semasa.

3.2 Kriteria Pemilihan Calon

Pemilihan akan dibuat berdasarkan kriteria-kriteria tertentu yang melambangkan kecemerlangan dan sifat-sifat istimewa seseorang staf iaitu berpengetahuan, inovatif, kreatif, berdedikasi dan bermotivasi dalam menjalankan tugas untuk

menghasilkan kerja yang kreatif. Pihak Unit Pengurusan Modal Insan telah menggariskan garis panduan kriteria asas yang perlu dipenuhi bagi memilih calon yang bersesuaian seperti :

3.2.1 Penyumbang ke arah budaya positif dalam pusat/ bahagian/unit/seksyen:

- Berinteraksi dengan rakan sekerja dan pelanggan dengan cara yang positif, responsif dan ceria.
- Mempamerkan tahap tenaga yang tinggi dan komited kepada pusat/ bahagian/unit/seksyen.
- Menghasilkan hasil kerja yang berkuantiti dan berkualiti tinggi dalam tempoh yang lama.
- Boleh dijadikan contoh ikutan (role model) kepada orang lain.
- Seorang boleh diharapkan (reliability).

3.2.2 Sentiasa memberikan yang terbaik dalam melaksanakan tugas di sepanjang masa dengan mempamerkan :

- Prestasi kerja yang baik dan konsisten ketika melaksanakan tugas-tugas hakiki.
- Berkemahiran menyelesaikan masalah dengan baik.
- Bermotivasi dan berusaha untuk cemerlang.
- Minat untuk meningkatkan kemahiran kerja.
- Bertanggungjawab di atas tindakan yang di ambil.

3.2.3 Menjadi duta yang terbaik untuk *UTMSPACE* dengan menunjukkan sikap:

- Seronok bekerja di *UTMSPACE* dan mengatakan *UTMSPACE* adalah tempat yang baik untuk bekerja.
- Bangga dan bertanggungjawab terhadap tugas di pusat/bahagian/ unit/ seksyen.
- Suka menawarkan diri secara sukarela untuk terlibat dalam pelbagai aktiviti di *UTMSPACE*.
- Mampu memberikan motivasi rakan sekerja dan pelanggan.
- Mampu mengekalkan hubungan yang baik di antara rakan sekerja.

3.2.4 Kerja Pasukan

- Membantu rakan sekerja yang baru untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran kerja.
- Rela berkongsi pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dengan orang lain.
- Menjadi tempat untuk orang lain meminta nasihat dan panduan.
- Menyumbang kepada pasukan yang saling menyokong dan bekerjasama.
- Sentiasa bersedia untuk membantu rakan sekerja menyiapkan tugas.

3.2.5 Sumbangan terhadap keberkesanan dan kelancaran operasi. Perbuatan/tindakan yang menyumbang kepada penggunaan sumber jabatan yang maksimum, seperti:

- Mengintegrasikan maklumat atau peralatan untuk penggunaan yang lebih efisien/efektif.
- Membangunkan kaedah bekerja yang baru untuk mengurangkan pembaziran atau mengoptimumkan sumber.
- Menghapuskan langkah yang tidak perlu dalam menyampaikan perkhidmatan.
- Mencadangkan kaedah kreatif yang boleh menjimatkan masa/wang
- Proaktif dalam mencadangkan pembaharuan.

3.2.6 Perkhidmatan cemerlang kepada staf lain atau pelanggan. Perbuatan/tindakan yang membantu atau memberi kesan yang positif kepada orang lain, seperti:

- Melakukan sesuatu untuk orang lain lebih daripada keperluan kerja.
- Melakukan sesuatu dengan cara yang sopan dan bekerjasama.
- Sangat membantu sehingga dihargai oleh orang lain.
- Tidak bertangguh dalam melaksanakan tugas.
- Berkebolehan dengan menggunakan pendekatan menang-menang dalam berurusan dengan rakan sekerja dan pelanggan.

3.3 Panel Penilaian Terakhir

Calon-calon yang telah memenuhi kriteria-kriteria di 2.0 akan dinilai dan diluluskan pemilihannya oleh ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran *UTMSPACE*.

3.4 Insentif dan Hadiah

Calon-calon yang telah berjaya dianugerahkan sebagai staf cemerlang akan menerima insentif dan hadiah sumbangan daripada *UTMSPACE* seperti berikut :

- Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM 500.00;
- Sijil Penghargaan; dan
- Paparan di dalam buletin *UTMSPACE* dan skrin televisyen di lobi *UTMSPACE*.

4. Diharapkan dengan wujudnya Anugerah Staf Cemerlang ini akan dapat memotivasikan diri staf *UTMSPACE* untuk berkhidmat dengan cemerlang.

Sekian, terima kasih. والسلام

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Yang benar,



PROF. DR. KHAIRUL ANUAR B. ABDULLAH

Pengarah Urusan/Dekan

UTMSPACE

☎ : 07-521 8120

☎ : 07-520 5725

✉ : khairulabdullah@utmpace.edu.my